





JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (22)
Tarikh : 6 Mac 2024

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB. Dato'/ YBhg. Dato' Seri/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan,

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2024
KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2024 kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,200.00. Pemberian BKKA Tahun 2024 adalah seperti mana **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2024** rujukan PSUKPP/01/0755/6 (23) bertarikh 1 Mac 2024.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran BKKA ini seperti berikut:

a) Pembayaran Melalui Sistem Berkomputer (iSPEKS)

- i. Cetak Laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran - Bayaran Khas Kewangan);
- ii. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2024;
- iii. Kemas kini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS;

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (11)
Tarikh : 6 Mac 2024

- iv. Sahkan Laporan G004 yang telah dikemas kini dengan kenyataan seperti berikut:

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat adalah tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya.”

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan & Cap Jabatan)

- v. Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) dilaksanakan mulai **7 Mac 2024** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) pada **8 Mac 2024 sebelum jam 12.00 tengah hari.**

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

- i. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2024; dan
- ii. Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dan lampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan seseorang pegawai (Kew. 8) berserta penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKK ini adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Awam
B0229306	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Kerajaan & Pekerja Sambilan dan Sementara yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (22)
Tarikh : 6 Mac 2024

4. Tarikh pembayaran BKKA Tahun 2024 adalah pada **15 Mac 2024**. Pembayaran BKKA ini adalah menjadi tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

5. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran BKKA ini dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 3 Tahun 2024**. Penyata Kew. 8 (manual) hendaklah disediakan dan bayaran BKKA ini hendaklah direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai.

6. Kerjasama pihak YB. Dato'/ YBhg. Dato' Seri/ YBhg. Dato'/ Dr/ Ir/ Tuan/ Puan, dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang



: 604-6505185



: masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

zu/bkka/mac24